



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



PENDEDAHAN KRITIS TENTANG TEKS AL-FUTUHAT AL-ILAHIIYAH OLEH AL- 'UJJAILY, S. DALAM TEKS TAFSIR NUR AL-IHSAN: SATU KAJIAN

CRITICAL DISCLOSURE OF THE TEXT OF AL-FUTUHAT AL-ILAHIIYAH BY AL- 'UJJAILY, S. IN THE TEXT OF TAFSIR NUR AL-IHSAN: A STUDY

Mohd Sholeh Sheh Yusuff^{1*}, Yusuf Haji Othman², Tengku Zawani Tengku Zawawi³

- ¹ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia
Email: mohdsholeh@unishams.edu.my
- ² Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia
Email: dryusufhajiothman@unishams.edu.my
- ³ Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Malaysia
Email: zawani@unishams.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.11.2021
Revised date: 13.12.2021
Accepted date: 26.12.2021
Published date: 30.12.2021

To cite this document:

Yusuff, M. S. S., Haji Othman, Y., & Tengku Zawawi, T. Z. (2021). Pendedahan Kritis Tentang Teks Al-Futuhah Al-Ilahiyyah Oleh Al-'Ujjaily, S. Dalam Teks Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu Kajian. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 78-85.

DOI: 10.35631/IJHPL.416005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Umar, M. S. telah menulis karya berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* yang merupakan sebuah karya dalam bidang tafsir al-Quran. Untuk mendalami dan memahami ayat-ayat al-Quran, masyarakat telah menggunakan karya ini sebagai rujukan mereka. Namun, beberapa sarjana telah mengkritik karya *Tafsir Nur al-Ihsan* ini kerana mereka beranggapan bahawa Umar, M. S. semata-mata menggunakan pandangannya sendiri ketika mentafsirkan al-Quran. Hal seperti ini menyebabkan masyarakat menjadi keliru dengan kesahihan tafsiran yang dibuat olehnya. Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini tertumpu kepada mengkaji dan mengesan sumber-sumber rujukan yang berasaskan daripada karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* oleh al-'Ujjaily, S. yang digunakan oleh Umar, M. S. dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, di samping mendedahkan bagaimana rujukan tersebut diolah. Pendekatan genetik yang diperkenalkan oleh Goldman digunakan ketika kajian ini dijalankan. Menerusi pendekatan ini, semua sumber rujukan yang pengarang gunakan daripada karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* oleh al-'Ujjaily, S. tersebut didedahkan. Kajian memperlihatkan bahawa pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan* mengambil lima pendekatan ketika mengolah teks dari karya yang beliau rujuk itu iaitu; teks dinukil secara tepat dan selari, pengarang menukil teks secara abstrak daripada karya tersebut, pengarang menghilangkan beberapa perkataan dari teks yang dirujuk sebelum dimuatkan dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, pengarang menambah huraian dan penjelasan terhadap teks yang dinukil dan pengarang menukar maklumat teks yang dipindahkan. Pengkaji mendedahkan bahawa Umar, M. S. merujuk karya

al-Futuhah al-Ilahiyyah ketika menulis *Tafsir Nur al-Ihsan* bertujuan mengukuhkan karyanya. Oleh itu, beliau berjaya berbuat demikian disebabkan teks yang dirujuk bertepatan dengan teks dalam karyanya. Namun, terdapat juga teks yang bertentangan dengan teks rujukan. Pada bahagian ini, tafsiran yang pengarang lakukan menjadi lemah.

Kata Kunci:

Tafsir Nur Al-Ihsan, Al-Futuhah Al-Ilahiyyah, Pendekatan Genetik, Sumber Rujukan

Abstract:

Umar, M. S. has written a work entitled *Tafsir Nur al-Ihsan* which is a work in the field of tafsir al-Quran. To deepen and understand the verses of the Qur'an, the community has used this work as their reference. However, some scholars have criticized this work of *Tafsir Nur al-Ihsan* because they think that Umar, M. S. merely used his views when interpreting the Qur'an. Things like this cause a lot of people to be confused with the validity of the interpretation made by him. Therefore, the main objective of this research is focused on studying and tracing reference sources based on the work of *al-Futuhah al-Ilahiyyah* by al-'Ujjaily, S. used by Umar, M. S. in *Tafsir Nur al-Ihsan*, in addition to revealing how the references are processed. The genetic approach introduced by Goldman was used when this study was conducted. Through this approach, all the reference sources that the author uses from the work of *al-Futuhah al-Ilahiyyah* by al-'Ujjaily, S. are revealed. The study showed that the author of *Tafsir Nur al-Ihsan* took five approaches when processing the text from the work he referred to, namely; the text is quoted accurately and in parallel, the author quotes the text abstractly from the work, the author removes some words from the referenced text before loading in *Tafsir Nur al-Ihsan*, the author adds descriptions and explanations to the quoted text and the author changes the transferred text information. The researcher revealed that Umar, M. S. referred to the work of *al-Futuhah al-Ilahiyyah* when writing *Tafsir Nur al-Ihsan* to strengthen his work. Thus, he succeeded in doing so because the text referred to coincided with the text in his work. However, some texts contradict the reference text. In this section, the interpretation that the author makes becomes weak.

Keywords:

Tafsir Nur Al-Ihsan, Al-Futuhah Al-Ilahiyyah, Genetic Approach, Reference Sources

Pengenalan

Di Nusantara terkenal dengan berbagai ulama yang menguasai banyak bidang dalam ilmu pengetahuan. Bidang-bidang ilmu tersebut seperti fiqah, tauhid, hadis, tajwid, tarannum, tasawuf dan tafsir al-Quran (Yusuff, 2021a). Di Indonesia terkenal dengan sebuah karya klasik dalam bidang tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk berjudul *Tafsir Tarjuman al-Mustafid* yang dikarang oleh Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri. Manakala di Malaysia, sebuah karya tafsir terkenal yang lengkap 30 juzuk al-Quran berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan* terkenal dan menjadi sebutan dan rujukan masyarakat. Karya ini bukan sahaja dibaca oleh masyarakat umum, bahkan menjadi rujukan utama masyarakat Melayu dalam memahami isi kandungan al-Quran

(Yusuff, 2021b). Sehingga kini, karya ini terus dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian terutama di pusat pengajian pondok dan masjid-masjid di seluruh Malaysia. Walaupun begitu, pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan* iaitu Umar, M. S. lansung tidak menyatakan dengan jelas nota-nota rujukan setiap fakta yang beliau muatkan dalam karyanya itu. Hal ini menyebabkan sebilangan pembaca terkeliru dengan fakta yang terdapat di dalamnya (Zaim, 2010). Penulisan karya ini mempunyai kelemahan kerana terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak menyatakan sumber rujukan fakta di samping menurut sebahagian pengkaji berpendapat pengarang karya ini menggunakan banyak pandangan yang tidak berasas dalam tafsirannya (Zaim, 2010). Kisah-kisah dalam karya ini juga diragui kerana pengarang tidak menerangkan sumber rujukan secara terperinci. Oleh itu, masyarakat perlu berhati-hati ketika membaca dan merujuk karya ini (Taib, 2003).

Berdasarkan kepada kepentingan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* yang masih dan terus menjadi rujukan masyarakat, maka usaha untuk memurnikan karya ini harus dilakukan (Yusuff, 2020). Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian yang menggunakan pendekatan genetik yang akan mengungkap dan mencari asal-usul data yang digunakan oleh pengarang ketika menulis *Tafsir Nur al-Ihsan* (Sohaimi, 2001). Dalam menjalankan penyelidikan ini, para penyelidik menerapkan kajian sumber iaitu salah satu kaedah penyelidikan dalam pendekatan genetik. Melalui kaedah ini, penyelidik akan meneliti dan mengenal pasti sumber ambilan teks yang dipetik oleh Umar, M. S. dalam menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan* dan mendedahkan bagaimana pengarang memproses teks tersebut di dalam karyanya (Sohaimi, 2001). Selain itu, penyelidikan ini juga hanya memfokuskan kepada teks dari karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah* yang dinukil oleh Umar, M. S. dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* sebagai satu usaha awal untuk penyempurnaan *Tafsir Nur al-Ihsan* dan juga sebagai contoh kemampuan menerapkan pendekatan genetik pada karya dalam bidang tafsir al-Quran, yang seterusnya dapat dikembangkan ke karya rujukan lain yang pasti akan menyumbang ke arah kesempurnaan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* ini.

Metodologi Kajian

Dalam menjalankan penyelidikan ini, para penyelidik menggunakan pendekatan genetik. Melalui pendekatan genetik, penyelidik meneliti dan mendedahkan asal usul sumber rujukan karya atau melihat bagaimana sesebuah karya telah mempengaruhi penulisan karya pengarang lain (Sohaimi 2001). Contohnya, *Tafsir Pimpinan al-Rahman* oleh Abdullah Basmeih telah dipengaruhi oleh *Jami' al-Bayan 'an Takwil al-Quran* oleh Ibn Jarir al-Tabari (Basmeih, 2000) *Tafsir Ibn Kathir* oleh Ibn Kathir (Basmeih, 2000) dan *Ruh al-Ma'ani* oleh al-Alusi (Basmeih, 2000). Pada mulanya, seorang pengarang menulis karyanya setelah beliau membaca, meneliti, dan memahami teks sesebuah karya yang menarik perhatiannya secara sedar atau tidak (Ronidin, 2011). Pengarang memproses teks dari buku yang dibacanya itu dan kemudian beliau memindahkan teks berkenaan ke dalam karyanya (Ronidin, 2011 & Yusuff, 2021c).

Perkataan genetik berasal dari kata dasar *gene*, dan dalam bahasa Yunani *genea* bermaksud *breed*, *kind* dan *gene* bererti benih (Sinar, 2003). Penyelidikan menggunakan pendekatan genetik ini adalah kajian mengenai hubungan antara sebuah karya dengan karya lain yang menunjukkan persamaan berdasarkan faktor benih atau asal usul (Sinar, 2003). Perkataan lain yang dihubungkan dengannya adalah genesis, yang merangkumi asal usul, pengeluaran, dan penciptaan (Sinar, 2003). Menurut Ronidin (2011), pendekatan genetik juga dikenali sebagai kajian pengaruh dan mempengaruhi dalam sebuah teks karya. Pendekatan ini lebih tepat dikatakan sebagai kajian sumber atau kajian asal usul yang membincangkan dari mana datangnya pengaruh tersebut (Ronidin, 2011).

Menurut Lubis (1994), pendekatan genetik terbahagi kepada lima aspek, iaitu pengaruh, penyesuaian, plagiarisme, peniruan, dan terjemahan. Di antara lima aspek tersebut, yang agak sukar untuk dibezakan adalah tiruan dan pengaruh (Lubis, 1994). Hal ini disebabkan untuk menilai sesuatu karya sama ada ia ditiru atau dipengaruhi oleh karya lain hanya diketahui oleh pengarang karya itu sendiri, kerana apa yang dapat membezakan antara peniruan dan pengaruh adalah unsur yang melibatkan tindakan yang disengajakan dan yang tidak disengajakan (Lubis, 1994). Ini bermaksud apabila pengarang membuat peniruan; dia melakukannya dengan sengaja dan sedar. Sebaliknya, pengaruh berlaku apabila pengarang melakukannya secara tidak sengaja. Walau bagaimanapun, sangat jarang bagi seorang pengarang untuk mengakui bahawa penulisannya melalui peniruan atau pengaruh (Lubis, 1994). Shaw (1990) menyatakan:

“Seorang penulis boleh dikatakan dipengaruhi oleh penulis lain apabila bukti dari luar dapat dijadikan bahan kajian yang cukup meyakinkan. Berbeza dengan tiruan, karya pengarang yang terlibat diakui sebagai karyanya. Pengaruh adalah sesuatu yang sangat luas berlaku di mana sahaja dan bila-bila masa”.

Melalui kajian sumber, para penyelidik menganalisis teks asal yang terhasil dari karya *al-Futuh al-Ilahiyyah* yang memberi kesan kepada penulisan Umar, M. S. dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan*. Apabila penyelidik ingin mencari teks asal tersebut, proses penyelidikan memastikan penyelidik membuat perbandingan antara *Tafsir Nur al-Ihsan* dan *al-Futuh al-Ilahiyyah*. Proses perbandingan ini adalah untuk mengetahui persamaan dan perbezaan antara kedua-dua teks tersebut. Sekiranya teks yang ditulis sesuai dengan teks yang dirujuk, ia menguatkan tafsiran pengarang. Tetapi seandainya teks yang ditulis berbeza dengan teks dari *al-Futuh al-Ilahiyyah*, maka hal ini menyebabkan tafsiran yang dibuat oleh pengarang itu diragui.

Perbincangan

Penyelidikan ini dilakukan terhadap lima aspek yang dibincangkan dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu Sabab Nuzul Ayat, Hadis-Hadis Nabi, kisah-kisah dari sumber *al-Isra'iliyyat*, ayat-ayat al-Nasikh dan al-Mansukh, dan teks mengenai fadhilat-fadhilat (Umar, 1970). Para penyelidik memilih lima aspek ini kerana ia merupakan perbincangan utama pengarang dalam karya *Tafsir Nur al-Ihsan* (Umar, 1970 & Yusuff, 2021d). Maklumat senarai teks tentang lima aspek tersebut merangkumi 94 teks (29.1%) mengenai Sabab Nuzul Ayat, 14 teks (4.3%) Hadis-Hadis Nabi, 198 teks (61.3%) kisah-kisah *al-Isra'iliyyat*, 6 teks (1.8 %) berkenaan al-Nasikh dan al-Mansukh dan 11 teks (3.4%) mengenai Fadhilat (Umar, 1970).

Berkaitan cara penggunaan teks yang dirujuk pula, Umar, M. S. telah menggunakan lima cara ketika memindahkan teks dari *al-Futuh al-Ilahiyyah* ke dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu memetik teks secara selari, memetik teks secara abstrak, menghilangkan beberapa perkataan yang terdapat dalam teks *al-Futuh al-Ilahiyyah*, menambah keterangan terhadap teks yang dipetik dan menukar maklumat dalam teks yang dirujuk (Umar, 1970). Perkara itu ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Cara Pengarang Menggunakan *Al-Futuhah Al-Ilahiyyah*

No.	Aspek	Selari	Abstrak	Gugur	Tambah	Tukar	Juml.	Peratus
01	Sabab Nuzul Ayat	19	30	36	8	1	94	29.1
02	Al-Hadith	5	3	5	1	0	14	4.3
03	Al-Isra'iliyyat	28	78	70	15	7	198	61.3
04	Nasikh Mansukh	0	3	3	0	0	6	1.8
05	Fadhilat	4	2	5	0	0	11	3.4
	Jumlah	56	116	119	24	8	323	100
	Peratusan	17.3	35.9	36.8	7.4	2.4	100	

Sumber: Umar, M. S. (1391H/1970M). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Fatani: Matba'ah Bin Halabi

Jadual 1 menunjukkan bahawa Umar, M. S. telah mempraktikkan lima cara dalam menggunakan teks dari karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* semasa menulis *Tafsir Nur al-Ihsan*. Pertama, pengarang memetik teks secara tepat dari karya tersebut yang mana teks yang ditulis olehnya sama dengan teks asal dari teks karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah*. Cara pertama ini merangkumi 56 teks (17.3%) iaitu Sabab Nuzul Ayat 19 teks, 5 teks Hadis Nabi, 28 teks kisah-kisah al-Isra'iliyyat, dan 4 teks mengenai fadhilat (Umar, 1970).

Kedua, penulis memetik makna teks yang terdapat dalam teks karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* dan kemudian beliau mengolah makna teks itu lalu dijadikan sebagai teksnya sendiri (Umar, 1970). Cara kedua ini bermaksud, ketika pengarang merujuk kepada teks karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* dan memahami isinya, beliau menterjemahkan kefahamannya itu ke dalam karyanya melalui susunan ayat yang baharu dengan cara yang tersendiri. Petikan yang dihasilkan itu adalah dalam bentuk abstrak bertepatan dengan maksud teks karya asal yang dirujuk. Hanya makna teks sahaja yang menyerupai antara satu sama lain, tetapi bentuk teksnya berbeza (Sohaimi, 2001). Terdapat 116 teks (35.9%) yang mana pengarang merujuk karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* dengan cara kedua ini, iaitu 30 teks mengenai Sabab Nuzul Ayat, tiga teks Hadis Nabi, 78 teks kisah-kisah *al-Isra'iliyyat*, tiga teks tentang al-Nasikh dan al-Mansukh, dan dua teks mengenai fadhilat Nabi (Umar, 1970).

Ketiga, pengarang memotong atau menghilangkan ayat atau kalimah tertentu daripada teks yang dinukil dari karya *al-Futuhah al-Ilahiyyah* (Umar, 1970). Beliau melakukan hal itu terhadap teks yang dirasa terlalu panjang sehingga sukar difahami oleh masyarakat. Pengguguran ayat atau kalimah ini sering terjadi melibatkan data-data mengenai kisah-kisah yang panjang berunsurkan *al-Isra'iliyyat* yang selalunya mempunyai pelbagai pendapat dan perbincangan para ulama tentangnya, atau apa-apa pendapat yang dianggap tidak sesuai jika dimuat bersama. Oleh itu, pengarang memilih pendapat tertentu sahaja sebagai data dalam karyanya dan beberapa pendapat lain dibuang. Terdapat 119 teks (36.8%) yang mana pengarang menggunakan cara ketiga ini, iaitu 36 teks Sabab Nuzul Ayat, lima teks Hadis Nabi s.a.w, 70 teks kisah-kisah *al-Isra'iliyyat*, tiga teks al-Nasikh dan al-Mansukh, dan lima teks mengenai fadhilat (Umar, 1970).

Keempat, pengarang telah memperluas keterangan dan huraian teks yang beliau rujuk untuk memudahkan masyarakat memahami isi kandungan dan tafsirannya (Umar, 1970). Pendekatan keempat ini melibatkan 24 teks (7.4%) yang mana pengarang membuat penambahan terhadap teks rujukan tersebut, iaitu lapan teks Sabab Nuzul Ayat, satu teks Hadis Nabi s.a.w, dan 15 teks berkaitan kisah-kisah *al-Isra'iliyyat* (Umar, 1970).

Pendekatan kelima adalah pendekatan terakhir dilakukan oleh pengarang. Pengarang telah menukar atau menyanggah maklumat yang terdapat dalam teks yang dinukil. Penukaran yang dibuat tidak begitu ketara kerana ia hanya melibatkan terjemahan yang dibuat dari teks asal. Kajian mendapati bahawa penukaran ini berlaku kerana pengarang secara tidak sengaja melakukan kesalahan terjemahan teks karya asal tersebut, dan dengan sendirinya kaedah terakhir ini diterapkan (Umar, 1970). Terdapat lapan teks (2.4%) yang mana Umar, M. S. telah melakukan cara kelima ini, iaitu satu teks Sabab Nuzul Ayat dan tujuh teks tentang kisah-kisah al-Isra'iliyyat (Umar, 1970).

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dilakukan, kajian ini mendapati bahawa Umar, M. S. hanya mempunyai satu tujuan ketika merujuk teks dari karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah*; iaitu, beliau hanya ingin memperkukuh tafsiran dan huraian yang telah dibuat. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pengarang mencapai keputusan berhasil menguatkan data dalam karyanya dan tidak berhasil dalam merealisasikan hasrat tersebut.

Kejayaan pengarang terhasil apabila teks yang ditulis mengenai suatu aspek, misalnya, Hadis Nabi dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* sesuai dengan teks yang dirujuk dari karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah*, yang mana persamaan itu bertepatan dengan bentuk teks dan kandungan teks (Sohaimi, 2001). Sebagai contoh, pengarang merujuk kepada teks dari karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah* (al-'Ujjaily, 2013);

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم أحمى عليها ألف سنة حتى احمرت ثم أوقد عليها ألف سنة حتى ابيضت ثم أوقد عليها ألف سنة حتى اسودت فهي سوداء مظلمة

Sementara teks dari *Tafsir Nur al-Ihsan*, pengarang menulis; “Rasulullah SWT bersabda: Api (neraka) dinyalakan selama 1000 tahun sehingga berubah menjadi merah, kemudian diteruskan selama 1000 tahun lagi hingga bertukar putih, kemudian dinyalakan lagi selama 1000 tahun hingga menjadi hitam pekat (Umar, 1970)”.

Kedua-dua teks di atas menyatakan betapa mengerikannya api neraka yang disediakan kepada orang yang akan memasukinya. Kajian mendapati bahawa pengarang telah merujuk teks dari karya tersebut dan kemudian memasukkannya ke dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* secara tepat tanpa penambahan kalimah. Contoh ini membuktikan bahawa Umar, M. S. telah berjaya memperkuat tafsiran yang dibuat olehnya.

Manakala pengarang gagal merealisasikan tujuannya ketika teks yang ditulis bertentangan dengan teks yang dirujuk (Sohaimi, 2001). Contoh mengenai hal ini dapat dilihat sebagaimana berikut (al-'Ujjaily, 2013):

فكان بين إبراهيم وموسى ألف سنة وبين موسى وعيسى ألفا سنة

Sementara pengarang menyatakan; “tempoh masa antara Ibrahim dan Musa adalah 1000 tahun dan antara Musa dan Isa adalah 1975 tahun” (Umar, 1970).

Umar, M. S. dalam *Tafsir Nur al-Ihsan* menyatakan bahawa tempoh antara Musa dan Isa adalah 1975 tahun, berbeza dengan al-'Ujjaily, S. dalam *al-Futuhat al-Ilahiyyah* yang menyatakan bahawa jarak antara keduanya adalah dua ribu tahun. Petikan dan terjemahan seperti itu

membingungkan pembaca dan masyarakat, dan pada masa yang sama menjadikan hasrat pengukuhan dalam bahagian ini gagal.

Kesimpulan

Artikel ini menyimpulkan bahawa pendekatan genetik yang telah diterapkan dalam menjalankan penyelidikan ini adalah pendekatan dalam kesusasteraan bandingan. Pendekatan ini digunakan untuk mengesan pengaruh yang mempengaruhi karya dengan membandingkan satu pengaruh dengan pengaruh yang lain. Pendekatan ini melibatkan tiga corak; iaitu kajian sumber, kajian pengantara, dan kajian penerimaan. Kajian ini menerapkan kajian sumber dalam menganalisis dan mengenal pasti rujukan asal dari karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah* yang digunakan oleh Umar, M. S. sebagai rujukannya ketika menghasilkan *Tafsir Nur al-Ihsan*, di samping menunjukkan bagaimana Umar, M. S. memindahkan teks yang dirujuk ke dalam karyanya itu.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah* dijadikan rujukan oleh Umar, M. S. terhadap lima aspek yang terdapat dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu Sabab Nuzul Ayat mewakili 94 teks (29.1%), Hadis-Hadis Nabi 14 teks (4.3%), kisah-kisah bersumberkan *al-Isra'iliyyat* 198 teks (61.3%), ayat-ayat al-Nasikh dan al-Mansukh 6 teks (1.8%), serta 11 teks mengenai fadhilat (3.4%) (Umar, 1970). Oleh itu, artikel ini membuktikan bahawa Umar, M. S. dalam menghasilkan karya *Tafsir Nur al-Ihsan* ini tidak menggunakan fakta yang tidak berasas atau menggunakan pendapat sendiri. Hal ini disebabkan beliau telah menjadikan karya *al-Futuhat al-Ilahiyyah* sebagai salah satu karya yang menjadi rujukannya dalam mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran.

Rujukan

- al-'Ujjaily, S. (2013) *Al-Futuhat al-Ilahiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Imiyyah.
- Basmeih, A. (2000). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Cetakan ke-16. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Lubis, M. B. (1994). *Pendekatan Genetik dalam Kesusasteraan Bandingan: Beberapa Pengantar Awal dalam Jaafar Husin (ed.), Pengantar Kesusasteraan Bandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ronidin. (2011). Malin Kundang, Ibunya Durhaka. *Lingua Didaktika*, Volume 4 No 2, 114-125.
- Shaw, J.T. (1990). "Keberhutangan Kesusasteraan dan Kajian Sastera Bandingan", dalam Newton P. Stallknecht dan Horst Frenz (ed.), *Sastera Perbandingan: Kaedah dan Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar, T. T. Z. (2003). Pancaran Filosofis Rabindranath Tagore dan Hinduisme pada Sanusi Pane: Satu Pendekatan Genetik. *Studia Kultura*, Nomor 3 Tahun 2, 211-228.
- Sohaimi, A. Z. (2001). *Kesusasteraan Bandingan: Perkembangan, Pendekatan Praktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Taib, M. I. (2003). *Isra'iliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Nur al-Ihsan*, Karya Haji Muhammad Said bin Umar. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Umar, M. S. (1391H/1970M). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Yusuff, M. S. (2020). Bacaan Intertekstual Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan: Kajian Menurut Kaedah Ekspansi, *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 2, No. 2, 1-11, 2020.
- Yusuff, M. S. S. (2021a). A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Jalalyn in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach, *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, Vol. 11, No. 6, 2021, 1418-1424.

- Yusuff, M. S. S. (2021b). A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Nasafi in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach, International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, Vol. 11, No. 6, 2021, 1397-1402.
- Yusuff, M. S. S. (2021c). A Critical Analysis of the Influence of Tafsir al-Tha'labi in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach, International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, Vol. 11, No. 6, 2021, 1442-1447.
- Yusuff, M. S. S. (2021d). A Critical Analysis of the Influence of Tafsir Ibn Kathir in Tafsir Nur al-Ihsan Based on Genetic Approach, International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, Vol. 11, No. 6, 2021, 1467-1472.
- Zaim, M. N. (2010). Kajian Takhrij Hadith Dalam Tafsir Nur Al-Ihsan. Disertasi Sarjana Sastra, Universiti Sains Malaysia.